



Ruj Kami : RBK/600-1/2/1 Jld.4(108 )

Tarikh : **24 AUG 2026**

Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Sarawak  
Semua Residen Bahagian  
Semua Ketua Badan Berkanun Sarawak  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak

YBhg. Dato Sri/Datuk/Datu/Dato/Tuan/Puan,

**JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI PERLUMBAAN SARAWAK REGATTA 2026 BAGI ACARA PERAHU KENYALANG 10 PEKAYUH LELAKI (AGENSI/JABATAN) (TEMPATAN) DAN PERAHU KENYALANG 10 PEKAYUH WANITA (AGENSI/JABATAN) (TEMPATAN)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa **Sarawak Regatta 2026** akan berlangsung pada **30 Oktober 2026 hingga 1 November 2026**, yang melibatkan sebanyak 18 kategori acara perlumbaan untuk dipertandingkan.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memeriahkan lagi penganjuran Sarawak Regatta 2026, jabatan/agensi YBhg. Dato Sri/Datuk/Datu/Dato/Tuan/Puan dengan hormatnya dijemput untuk menyertai **dua (2) kategori acara** seperti berikut:

- a) **Perahu Kenyalang 10 Pekayuh Lelaki (Jemputan Agensi/Jabatan) (Tempatan);** dan
- b) **Perahu Kenyalang 10 Pekayuh Wanita (Tempatan) (Jemputan Agensi / Jabatan) (Tempatan).**

4. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Dato Sri/Datuk/Datu/Dato/Tuan/Puan dipohon untuk membuat pengesahan penyertaan dengan melengkapkan borang penyertaan seperti di **Lampiran A**. Bersama-sama ini turut disertakan **Syarat-Syarat Khas Perlumbaan** untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Dato Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan.

5. Sebarang kemusykilan atau pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak YBhg. Dato Sri/Datuk/Datu/Dato/Tuan/Puan boleh menghubungi **Encik Leonard Luhai Laing** di talian **019-885 4234**.

...2/-



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO: QMS 03966-S1



082-275444



082-507435



<http://kuching.sarawak.gov.my>

**JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI PERLUMBAAN SARAWAK REGATTA 2026 BAGI ACARA PERAHU KENYALANG 10 PEKAYUH LELAKI (AGENSI/JABATAN) (TEMPATAN) DAN PERAHU KENYALANG 10 PEKAYUH WANITA (AGENSI/JABATAN) (TEMPATAN)**

---

6. Kerjasama, penyertaan dan sokongan daripada pihak YBhg. Dato Sri/Datuk/Datu/Dato/Tuan/Puan dalam menjayakan Sarawak Regatta 2026 amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**

**"AN HONOUR TO SERVE"**

**"RACE FOR HARMONY"**



**(DAYANG HAJAH JOANTA AZIZAH BINTI ABANG HAJI MORSHIDI)**

Residen Bahagian Kuching

Merangkap Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pengelola Sarawak Regatta -  
Kuching Waterfront Festival 2026

**Salinan kepada** : Pengerusi, Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta 2026



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO: QMS 03966-S1



082-275444



082-507435



<http://kuching.sarawak.gov.my>

## PENGESEHAN PENYERTAAN SARAWAK REGATTA 2026

**Nama Agensi/Jabatan:**.....

|                                                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |  |                                                                         |  |                                                                         |
|-------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|-------------------------------------------------------------------------|--|-------------------------------------------------------------------------|
| <input style="width: 80px; height: 30px;" type="checkbox"/> | Bersetuju untuk menyertai Sarawak Regatta 2026 bagi kategori acara:                                                                                                                                                                                                                                                                                     |  |                                                                         |  |                                                                         |
|                                                             | <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 15%;"></td> <td style="padding: 5px;">Perahu Kenyalang 10 Pekayuh Lelaki (Jemputan Agensi/Jabatan) (Tempatan)</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="padding: 5px;">Perahu Kenyalang 10 Pekayuh Wanita (Jemputan Agensi/Jabatan) (Tempatan)</td> </tr> </table> |  | Perahu Kenyalang 10 Pekayuh Lelaki (Jemputan Agensi/Jabatan) (Tempatan) |  | Perahu Kenyalang 10 Pekayuh Wanita (Jemputan Agensi/Jabatan) (Tempatan) |
|                                                             | Perahu Kenyalang 10 Pekayuh Lelaki (Jemputan Agensi/Jabatan) (Tempatan)                                                                                                                                                                                                                                                                                 |  |                                                                         |  |                                                                         |
|                                                             | Perahu Kenyalang 10 Pekayuh Wanita (Jemputan Agensi/Jabatan) (Tempatan)                                                                                                                                                                                                                                                                                 |  |                                                                         |  |                                                                         |
|                                                             | <p><b>*Sila isi dengan lengkap Borang Penyertaan Rasmi Sarawak Regatta 2026 dan kemukakan kepada Lembaga Sungai-Sungai Sarawak selewat – lewatnya pada 30 September 2026.</b></p>                                                                                                                                                                       |  |                                                                         |  |                                                                         |
| <input style="width: 80px; height: 30px;" type="checkbox"/> | Tidak akan menyertai Sarawak Regatta 2026                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |  |                                                                         |  |                                                                         |

**Nota :**

Sila tanda (√) dalam jadual di atas dan acara perlumbaan yang akan disertai.

**Tandatangan :**

**Nama Ketua Jabatan :**

**Cop Rasmi Jabatan :**

**Nota :**

Borang Pengesahan Penyertaan Sarawak Regatta 2026 hendaklah dikembalikan kepada Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta 2026 melalui *whatsapp* kepada **Encik Leonard Luhut Laing di talian 019-885 4234.**

**SYARAT-SYARAT KHAS PENYERTAAN BAGI ACARA PERAHU KENYALANG 10  
PEKAYUH LELAKI ATAU WANITA (JABATAN/AGENSI)**

1. Penyertaan bagi acara ini adalah berdasarkan prinsip **"first come, first served"**, memandangkan penyertaan adalah terhad kepada **10 buah perahu Kenyalang sahaja**. Acara ini juga merupakan acara akhir.
2. Pekayuh mestilah terdiri daripada **kakitangan jabatan atau agensi masing-masing** dan **tidak menyertai sebarang perlumbaan** dalam mana-mana acara atau kategori yang dipertandingkan semasa Sarawak Regatta 2026.
3. Senarai nama pekayuh hendaklah menggunakan **nama seperti yang tercatat di dalam kad pengenalan** dan dikemukakan melalui **Borang Senarai Pekayuh** yang telah ditandatangani serta disahkan oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang diberi kuasa. Borang tersebut hendaklah disertakan bersama **Borang Penyertaan Rasmi Sarawak Regatta 2026**.
4. Pemakaian **jaket keselamatan adalah WAJIB** sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan Sarawak Regatta 2026.
5. Bagi acara **Perahu Kenyalang 10 Pekayuh Wanita**, setiap pasukan dibenarkan mendapatkan khidmat **seorang pengemudi lelaki** dalam kalangan kakitangan jabatan masing-masing.
6. Jarak perlumbaan adalah sejauh **300 meter**.
7. Kaedah perlepasan adalah **tanpa menggunakan tali adan perlepasan**. Semua pekayuh dikehendaki **mengangkat pengayuh sebelum perlumbaan dilepaskan**, kecuali pengemudi dan pekayuh paling hadapan.
8. Perlepasan hanya akan dibuat setelah **Pegawai Perlumbaan/Starter** berpuas hati bahawa kesemua perahu yang mengambil bahagian berada dalam **kedudukan yang selari**.
9. Semua peserta **WAJIB mengambil insurans berkelompok**.
10. Perahu, pengayuh dan jaket keselamatan akan disediakan oleh **pihak penganjur** semasa sesi latihan dan perlumbaan Sarawak Regatta 2026.
11. **Yuran penyertaan bagi acara ini adalah RM150.00.**

**BORANG SENARAI NAMA PEKAYUH**

|                                     |   |  |
|-------------------------------------|---|--|
| Nama Agensi / Jabatan               | : |  |
| Nama Pengurus<br>Pasukan / No. Tel. | : |  |
| Wakil Pengurus<br>Pasukan/ No. Tel. | : |  |

| Bil. | Nama Pekayuh | No. Kad Pengenalan |
|------|--------------|--------------------|
| 1.   |              |                    |
| 2.   |              |                    |
| 3.   |              |                    |
| 4.   |              |                    |
| 5.   |              |                    |
| 6.   |              |                    |
| 7.   |              |                    |
| 8.   |              |                    |
| 9.   |              |                    |
| 10.  |              |                    |

Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua sepuluh (10) pekayuh yang didaftarkan adalah kakitangan agensi/jabatan ini.

Tandatangan :.....  
Nama Ketua Jabatan :  
Cop Rasmi :  
Tarikh :